

**BERITA ONLINE**  
**MSN.COM**  
**TARIKH : 8 FEBRUARI 2022 (SELASA)**



**Memugar minat dan motivasi melalui  
pengimplementasian I-Think dalam pembelajaran  
Kursus Kenegaraan Malaysia**

webadmin

17 hrs ago  
LikeComments

Sistem pendidikan negara ditransformasikan bagi mencapai matlamat membina sebuah masyarakat yang bersatu padu dan mempunyai identiti sendiri.

Justeru, dasar-dasar pendidikan yang direncanakan diharapkan berupaya mendukung semangat kebangsaan. Struktur kurikulum di peringkat sekolah, pendidikan guru dan pendidikan tinggi juga diubahsuai agar wujud kesinambungan pada peringkat-peringkat pendidikan tertentu.

Perpaduan dan perkembangan ekonomi merupakan dua matlamat utama yang terkandung dalam Penyata Barnes, Penyata Razak, Falsafah Pendidikan Negara, Akta Pendidikan 1996, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Matlamat utama ialah untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Modal insan negara yang berkualiti merupakan elemen yang paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional.

Pembangunan modal insan akan dilaksanakan secara holistik merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek. Ini termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi (S&T) serta memiliki sikap, nilai dan etika positif serta progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat. Di samping itu, elemen kemahiran insaniah dan keusahawanan akan diterapkan kepada setiap individu supaya mereka dapat berfikir dan bertindak sebagai agen perubahan dalam masyarakat.

Negara perlu melahirkan modal insan untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi. Modal insan yang dibangunkan perlu mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul.

Bersesuaian dengan matlamat pembangunan modal insan yang dihasratkan, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah digubal dan telah dilancarkan pada 27 Ogos 2007 dengan visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hub kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Transformasi ini merupakan peletakan asas ke arah kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi melangkaui tahun 2020.

Pembangunan di Malaysia perlu dilihat dari pelbagai dimensi. Antara elemen yang seharusnya diberikan perhatian khusus ialah ekonomi, politik, sosial, spiritual, psikologi dan budaya.



© Provided by GPSBestari

Dalam menempuhi era globalisasi ini, peranan institusi pengajian tinggi berubah secara drastik bagi menentukan modal insan turut berubah daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Oleh yang demikian, institusi pengajian tinggi mempunyai peranan holistik bagi menyediakan graduan kompeten dan mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

**Baca juga [Tip menulis entri blog pendidikan, guru-guru wajib hadam perkongsian ini](#)**

**Baca juga [“Cikgu, saya dah lama teringin nak makan McDonalds, tapi ayah kata mahal”](#)**

Modal insan minda kelas pertama yang dihasratkan seharusnya berperanan sebagai kumpulan pemikir masyarakat dan juga negara. Mereka seharusnya mempunyai daya intelektual tinggi, komited, di samping berani mengambil risiko.

Menyedari hasrat murni ini, institusi pengajian tinggi (IPT) mempunyai peranan yang kritikal bagi menyediakan landasan ke arah meningkatkan daya saing negara di peringkat global.

Ini boleh dilaksanakan melalui penyampaian pendidikan dan latihan yang berkualiti, berkesan, relevan serta mempunyai komitmen tinggi terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Tenaga kerja masa hadapan dan IPT perlu bersedia menghadapi cabaran globalisasi, persaingan yang sengit dan perubahan teknologi terkini. Generic Student Attribute (GSA) menurut Bamber, (2009) ialah:

“The inclusion of generic attributes as an element of other key learning and teaching policies was also intended to support engagement by academics in embedding generic attributes in their teaching. For instance, the policy on course outlines requires that generic attributes are explicitly integrated with the subject learning outcomes specified for a course, and the assessment policy explicitly requires that the subject assessment be aligned with these outcomes”

Barnett (1994), pula menyatakan bahawa Generic Student Attribute (GSA) amat diperlukan bagi memperkuat ilmu yang dipelajari dan menghadapi pasaran kerja. Agenda ini telah diberikan keutamaan dalam pelaksanaan fasa pertama PSPTN. Ini turut disokong dengan pembelajaran yang berasaskan Student Centered Learning (SCL). Kesejajaran secara bersistem akan membawa kepada pencapaian Outcome Based Education (OBE).

Menurut Killen (2002), OBE boleh dilaksanakan dalam pelbagai cara dan bentuk dalam pendidikan. Hal ini diperteguhkan oleh sarjana seperti Spady, (1994) yang menyatakan bahawa OBE merupakan satu set tindakan yang berfokus dan bersistem bagi semua pelajar yang seharusnya membuahkan hasil di akhir proses pengajaran pembelajaran.

OBE seharusnya menjadi keutamaan dan tumpuan untuk meningkatkan GSA dan hal ini sejajar dengan program pembangunan modal insan negara. Kurikulum OBE juga mengambil kira dan memberikan penekanan khusus kepada Course Learning Outcome (CLO), Programme Learning Outcome (PLO) dan Programme Educational Objective (PEO).

Dalam memastikan OBE tercapai, Constructive Allignment (CA) perlu dilakukan agar kesemua aktiviti pembelajaran dapat bergerak secara konsisten dan berkesan kepada pelajar. Biggs (2003), menyatakan bahawa aktiviti pengajaran pembelajaran seharusnya mengandungi tiga komponen utama iaitu objektif pembelajaran, aktiviti pembelajaran dan penilaian. Di samping itu, kapasiti pemerkasaan pendidik yang menggunakan SCL juga perlu dilaksanakan.

### **Kursus Kenegaraan Malaysia**

Pembangunan Holistik Pelajar di IPT bagi melahirkan graduan yang seimbang dari segi ilmu, ketrampilan, akhlak, nilai murni, patriotik dan berdisiplin ke arah pembentukan modal insan negara yang holistik serta berpersonaliti tinggi (towering personality) menjadi agenda pendidikan negara.

Tumpuan pelaksanaan diletakkan dalam konteks kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi ilmu praktikal serta ilmu falsafah bagi menyokong pembangunan pelajar secara holistik. Hal yang demikian diterjemahkan dalam penawaran dan pelaksanaan Kursus Teras di semua IPT dalam negara termasuk IPTS, IPTA dan Politeknik.


Kursus SADN 1033 Kenegaraan Malaysia merupakan kursus teras dan perlu diikuti sebagai prasyarat utama dalam proses pengijazahan di Universiti Utara Malaysia (UUM). Kursus ini merupakan pengenalan kepada sejarah pembinaan negara

meliputi tempoh masa dari zaman pra merdeka hingga kepada pembentukan dasar-dasar kerajaan selepas kemerdekaan sehingga kini.

Matlamat kursus ini ialah membina generasi celik sejarah pembinaan negara dan memugar jiwa patriotik terhadap tanah air. Kursus ini sangat penting dalam membina generasi baharu Malaysia dengan menggunakan sejarah sebagai asas pembinaan negara bangsa.

Sebagai pendidik yang bertanggungjawab menyampaikan kandungan kursus ini dengan berkesan sudah semestinya minat mahasiswa dan mahasiswi menjadi prioriti. Minat pelajar terhadap kursus yang dipelajari mempunyai hubungan yang signifikan dengan hasil pencapaian mereka.

Justeru itu, adalah penting untuk meningkatkan minat pelajar secara mendalam supaya dapat membina generasi pelajar yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial.



© Provided by GPSBestari

Melaksanakan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam bilik kuliah secara bersemuka atau maya yang mengandungi bilangan pelajar yang ramai merupakan satu cabaran besar. Mahasiswa dan mahasiswi memberikan pelbagai reaksi mengenai kursus Kenegaraan Malaysia.

Terdapat yang menyatakan PdPc yang membosankan dan terlalu banyak fakta yang perlu diingati. Sikap negatif ini menterjemahkan reaksi kurang berminat terhadap kursus tersebut. Minat mempunyai kaitan yang rapat dengan sikap. Pelajar-pelajar akan menunjukkan reaksi positif apabila mereka berminat terhadap sesuatu situasi atau perkara. Sebaliknya mereka akan menunjukkan reaksi negatif apabila tidak berminat.

Robert F. Mager menegaskan bahawa isi kandungan kursus yang disampaikan kepada pelajar seharusnya jelas, menarik minat dan dapat diaplikasikan dalam

konteks kehidupan seharian. Oleh yang demikian, SCL yang mampu mengubah iklim pembelajaran menjadi kondusif dan menyeronokkan perlu diwujudkan. Para pendidik seharusnya bijak dan berupaya menggunakan rangsangan yang dapat menimbulkan minat pelajar terhadap apa yang dipelajari.

Pendidik juga seharusnya mempunyai pengetahuan dan kreadibiliti dalam mengubah suasana PdPc menjadi kreatif, berinformasi serta mampu memberikan suntikan motivasi kepada pelajar yang mempunyai paradigma dan persepsi negatif.

Pelajar-pelajar yang bermotivasi akan memberikan sepenuh perhatian dan berupaya meningkatkan daya intelek ketika mengikuti pembelajaran. Menyedari kekangan yang dihadapi dalam menyampaikan kursus teras ini, i-Think diimplementasikan sebagai satu pendekatan dalam meningkatkan minat dan motivasi dalam mengikuti kuliah kursus Kenegaraan Malaysia di UUM.

**Baca juga 4 kali terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Cikgu Noor Azlan kongsi rahsianya**

**Baca juga Sakit belakang ketika menjalani PdPR, ikuti 5 tip ini kekalkan postur badan yang betul**

### **Peta pemikiran I-Think**

I-Think bermaksud pemikiran inovatif yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran belajar ke arah menghasilkan pelajar kreatif, kritis serta inovatif.

I-think ialah satu program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) dengan tujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar ke arah melahirkan golongan inovatif dan mempunyai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Peta Pemikiran i-Think yang dikembangkan oleh Dr David Hyerle ialah alat pengajaran visual yang berupaya memupuk dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

Antara ciri yang diutamakan ialah berfikir di luar kotak, iaitu berfikiran kreatif, bersedia untuk menerima idea baharu, bersedia mengambil risiko, bersedia melakukan kesalahan dan tidak terlalu terkongkong dengan cara pemikiran konvensional. Tujuan menggunakan i-Think ialah membantu pendidik dan pelajar mendalami proses pembelajaran dengan lebih bermakna. I-Think berdasarkan proses kerja akal manusia dan cara menstrukturkan maklumat.

Pendidik boleh menggunakan peta pemikiran untuk mengajar pelbagai subjek dan memilih set perkakas pemikiran i-Think berbeza mengikut standard kandungan yang ingin disampaikan. PdPc akan menjadi lebih dinamik apabila peta pemikiran i-Think digunakan untuk meningkatkan kemahiran berfikir abstrak pelajar.

Secara tidak langsung, minat pelajar akan turut meningkat dan mereka dapat menyusun idea serta meningkatkan tahap pembelajarannya. I-Think membantu murid berfikir secara divergen dan konvergen serta dapat menstrukturkan pemikiran dengan cara yang sistematik.

Peta pemikiran i-Think juga dapat membantu pelajar memahami hubungan antara pelbagai aspek, konsep dan sebagainya dalam pelbagai situasi. Mereka akan

belajar memfokuskan pemikiran terhadap maksud daripada hanya mementingkan fakta dan aspek teknikal lain seperti gaya bahasa serta tatabahasa. Pelajar juga akan lebih mudah memahami konflik, masalah, cabaran atau sebarang situasi yang perlu dianalisis.

Pemindahan maklumat yang linear kepada bukan linear dan perkara yang kompleks akan menjadi mudah serta senang difahami dengan menggunakan i-Think. I-Think memberikan ruang kepada pelajar dan pendidik untuk memahami maklumat dalam cara yang mudah serta kreatif.

Maklumat dapat diringkaskan secara efektif dan mudah diguna pakai apabila diperlukan. Peta pemikiran i-Think dapat membantu dalam pendidikan sepanjang hayat yang merupakan salah satu matlamat pendidikan di Malaysia. Peta pemikiran i-Think menggabungkan proses kognitif pembelajaran dengan penjelmaan visual dalam penyusunan grafik.

Kaedah ini dapat membekalkan secara konsisten untuk para pendidik membentangkan informasi dan pelajar menghadapi pembelajaran serta mengekalkan pengetahuan tersebut.

Menurut Paivio, 90 peratus maklumat yang sampai ke akal manusia adalah dalam bentuk visual. Oleh itu, peta pemikiran i-Think dapat merangsang pemikiran mengikut cara semula jadi dan menarik perhatian pelajar.